

Peranan utama umat Islam

Dr. M: Belajar,
rajin bekerja

Oleh BUSTAMAM AHMAD

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap segolongan besar umat Islam yang hanya menitikberatkan amalan ibadat untuk diri sendiri tanpa memikirkan tanggungjawab mereka terhadap umat Islam yang lain.

Menurut Perdana Menteri, di samping beribadat untuk diri sendiri, seseorang umat Islam harus berusaha ke arah kebajikan dan pengekalahan agama Islam serta umat Islam yang lain.

Sehubungan dengan itu, beliau mengemukakan apa yang diperlukan bagi mempertahankan agama Islam serta memperbaiki nasib umat Islam ialah "kesanggupan kita mempelajari ilmu dan kecekapan tangan serta rajin berusaha."

Berucap di upacara melancarkan batu asas Bangunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) berharga \$80 juta di Jalan Pekeliling di sini, Perdana Menteri berkata:

"Sementara kita boleh berbangga dengan bangunan yang akan kita dirikan, kebanggaan itu hendaklah disertai dengan kelemahan yang masih ada pada kita oleh kerana insaf akan menghasilkan resolusi untuk mengatasi kelemahan ini.

Berbagai rintangan

"Apa yang diperlukan daripada kita amatlah mudah dan ringan berbanding dengan apa yang dibebankan ke atas umat Islam di zaman Nabi dan di zaman Islam sedang berkembang."

"Mereka di zaman-zaman yang lalu terpaksa menghadapi berbagai rintangan sehinggalah nyawa sendiri diragut kerana mempertahankan dan memperbaiki nasib umat Islam".

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, umat Islam kini hanya dikehendaki mempelajari ilmu dan kecekapan tangan serta sanggup berusaha bagi mempertahankan dan memperbaiki nasib umat Islam keseluruhannya.

"Kita amatlah bernaib baik dan bahagia. Tetapi kita tidak menghargai semua ini dan tidak berusaha berangkuh-sungguh mengekalkannya."

"Tilam dari kita hanya memilih amalan ibadat untuk diri sendiri di akhirat dengan tidak memikirkan tanggungjawab kita terhadap umat Islam yang ada," tegasnya.

Perdana Menteri menambah, tumpuan sematamata kepada diri sendiri sama ada untuk keperluan dunia dan akhirat bukan merupakan perkara yang dituntut oleh agama Islam.

Selanjutnya, beliau mengingatkan tentang perannya umat Islam mempunyai berbagai kebolehan bagi mengelakkan "kita daripada terus bergantung kepada kecekapan orang lain."

No. Siri 2291
No. Penerimaan 25/85